

LAMPIRAN SYARAT

- a) Papan tanda tersebut hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan dengan mengambil perhatian tulisan jawi yang dibenarkan. Tulisan jawi mestilah berukuran dua kali ganda dan lebih besar ketebalannya daripada tulisan rumi Melayu dan kedudukannya hendaklah diletakkan pada bahagian atas sekali pada papantanda tersebut;
- b) Pemasangan papan tanda hendaklah mengikut seperti dalam pelan-pelan yang dibenarkan;
- c) **Bilangan rujukan surat kebenaran dan rujukan permohonan OneBiz** mestilah dibuat dan diletakkan pada bahagian bawah sebelah kanan papan tanda serta mudah dilihat,
- d) Pihak syarikat adalah dipertanggungjawabkan ke atas papan tanda tersebut, jika berpindah / mengosongkan ruang perniagaan papan tanda tersebut hendaklah diturunkan / dibuka dengan segera.
- e) Struktur asas (foundation) dan rangka papan tanda berkenaan hendaklah direka dan disahkan oleh Qualified Persons (QP) – Jurutera Profesional C & S yang diiktiraf oleh BAPEQS, Kementerian Pembangunan. Jika berlaku sebarang kegagalan pada struktur asas dan rangka papan tanda maka ia adalah dibawah tanggungjawab pihak pemohon.
- f) Syarikat pengiklanan hendaklah memastikan pemilik/penyewa unit kedai/bangunan untuk mendapatkan kebenaran kesiapan (O.P) dari Pihak Berkuasa jika terdapat perubahan atau/dan tambahan pada unit kedai/bangunan tersebut jika berkenaan;
- g) Pihak syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya jika terjadinya kemalangan ke atas orang ramai dan harta benda kerajaan yang rosak disebabkan oleh kegagalan fungsi struktur, aliran arus elektrik dan yang berkaitan dengan papan tanda tersebut.
- h) Pihak syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas segala perbelanjaan untuk membuka dan/atau pemasangan semula di tempat lain jika kawasan tersebut terlibat dengan cadangan projek pembesaran jalan raya atau jika Pihak Berkuasa menghendakinya untuk di buka.
- i) Pihak Berkuasa berhak untuk mengarahkan pemohon supaya membuka papan tanda jika didapati pemasangan telah dibuat sebelum permohonan diluluskan atau menerima aduan dari orang ramai akan ketidaksesuaiannya dengan menggunakan perbelanjaan pihak syarikat dan semua kerja-kerja ke atasnya.
- j) Pemasangan lampu pada papan tanda mestilah mendapat kebenaran dan pengesahaan Pengarah Perkhidmatan Elektrik.
- k) Perkataan-perkataan, maklumat dan kandungan yang dipaparkan pada apa-apa iklan, papan iklan animasi, tanda belon, tanda arah, papan tanda atau tanda langit yang telah dibenarkan tidak boleh diubah tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa.
- l) Pihak syarikat hendaklah memastikan papan iklan animasi, tanda belon, tanda arah, papan tanda atau tanda langit yang dibenarkan diselenggarakan
- m) Jika berpindah / mengosongkan ruang perniagaan papantanda tersebut hendaklah diturunkan / dibuka dengan segera atau tidak lewat dua (2) minggu dari tarikh mengosongkan ruang perniagaan.
- n) Pihak syarikat yang memasang iklan/ papan iklan/ papan tanda yang tidak mengikut seperti yang dibenarkan dikehendaki menurunkan iklan/ papan iklan/ papan tanda tersebut dengan serta merta.